

## TERMA DAN SYARAT

### PERTANDINGAN LUKISAN & PAPAN CERITA BERGAMBAR

#### A. MAKLUMAT PERTANDINGAN

1. **Pertandingan lukisan dan papan cerita bergambar** adalah anjuran Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Bahagian SibU.
2. Tempoh pertandingan ini adalah selama **tiga (3) bulan bermula dari Julai 2019 – September 2019**.
3. Tema pertandingan adalah **“CINTAILAH SUNGAI KITA”**.

#### B. KELAYAKAN PERTANDINGAN

1. Pertandingan ini terbuka kepada pelajar **Sekolah Rendah dan juga Sekolah Menengah di bawah Pejabat Pendidikan Daerah SibU**.
2. Pelajar yang ingin menyertai mestilah **warganegara Malaysia**.

#### C. TERMA DAN SYARAT PERTANDINGAN

1. Penyertaan adalah **percuma**.
2. Penyertaan untuk pertandingan **Papan Cerita Bergambar** adalah secara **berkumpulan** dan setiap kumpulan hendaklah terdiri daripada **tiga (3) ke lima (5) orang (termasuk ketua kumpulan) dari sekolah yang sama**.
3. Penyertaan bagi **Lukisan** adalah Secara **Individu (1 Orang)**.
4. Setiap sekolah **boleh** menghantar seberapa banyak penyertaan.
5. Konsep lukisan dan papan cerita bergambar adalah berdasarkan tema yang telah diberikan dan berikut adalah konsep yang telah ditetapkan:
  - a) **Sungai sihat rahmat buat semua**
  - b) **Kepentingan sungai kepada anda, keluarga, sekolah atau masyarakat setempat di kawasan anda?**
  - c) **Kepentingan sungai kepada hidupan (contoh ikan, mamalia, burung, ketam dan sebagainya)**
  - d) **Faktor-faktor yang mempengaruhi kesihatan sungai**

6. Peserta hendaklah memilih **satu konsep sahaja** bagi setiap penyertaan.
7. Peserta haruslah menghasilkan sebuah lukisan yang menarik dan juga jalan cerita yang mempunyai nilai-nilai moral dan pengajaran bersesuaian dengan konsep dan tema yang telah diberikan.
8. Lukisan dan papan cerita bergambar yang dihasilkan adalah manifestasi kreativiti peserta dan **tidak boleh** menyinggung mana-mana pihak dan **tidak** mengandungi unsur-unsur perkauman, politik dan juga isu-isu yang menyentuh sensitiviti rakyat Malaysia.
9. Bahasa yang digunakan adalah **Bahasa Inggeris atau Bahasa Melayu sahaja**.
10. Setiap penyertaan mestilah merupakan kerja asal/asli dan maklumat yang digunakan adalah daripada **sumber yang sahih**.
11. Plagiat adalah **tidak dibenarkan** sama sekali. Penyertaan akan dibatalkan sekiranya terdapat unsur-unsur plagiat.

#### **D. HADIAH DAN KEPUTUSAN PERTANDINGAN**

1. Tawaran hadiah adalah seperti berikut:

##### **PAPAN CERITA BERGAMBAR**

##### **(SEKOLAH RENDAH DAN MENENGAH)**

<b>Hadiah Tempat Pertama</b>	<b>: RM 500 beserta sijil penyertaan</b>
<b>Hadiah Tempat Kedua</b>	<b>: RM 300 beserta sijil penyertaan</b>
<b>Hadiah Tempat Ketiga</b>	<b>: RM 200 beserta sijil penyertaan</b>
<b>Hadiah saguhati X 3</b>	<b>: RM 50 beserta sijil penyertaan</b>

##### **LUKISAN**

##### **(SEKOLAH RENDAH DAN MENENGAH)**

<b>Hadiah Tempat Pertama</b>	<b>: RM 200 beserta sijil penyertaan</b>
<b>Hadiah Tempat Kedua</b>	<b>: RM 150 beserta sijil penyertaan</b>
<b>Hadiah Tempat Ketiga</b>	<b>: RM 100 beserta sijil penyertaan</b>
<b>Hadiah saguhati X 3</b>	<b>: RM 30 beserta sijil penyertaan</b>

2. Setiap karya akan dinilai dari segi keaslian, isi kandungan, konsep, kreativiti serta kualiti oleh panel juri yang dilantik oleh penganjur.
3. Pemenang akan dihubungi dan semua penyertaan akan diberi sijil penyertaan.

4. Keputusan panel juri adalah **muktamad**.Sebarang rayuan dan bantahan tidak akan dipertimbangkan.

**E. PERTANYAAN**

Untuk pertanyaan/ keterangan lanjut, sila hubungi:

**Encik Gabriel Kalai Legai,**

Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar,

Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sib

No Telefon : 084-337428

No Faks : 084-327488

**G. TARIKH TUTUP PERTANYAAN**

**30 SEPTEMBER 2019**



**PERTANDINGAN LUKISAN DAN PAPAN CERITA BERGAMBAR**  
**TEMA: CINTAI SUNGAI KITA**  
**sempena Ulang Tahun Ke-25 NREB**

**BORANG PENYERTAAN**

Nama Sekolah	:	
Penyertaan Pertandingan (Sila Tandakan V dalam petak)	:	Papan Cerita Bergambar <input type="checkbox"/>  Lukisan <input type="checkbox"/>
Nama Peserta	:	1.  2.  3.  4.  5.
Guru Pembimbing	:	
Nombor Telefon	:	
Nombor Fax	:	
Alamat Email	:	
Tarikh Penghantaran	:	

Borang Penyertaan dan Karya murid perlu dihantar ke alamat berikut :

Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar (NREB) Sarawak  
Tingkat 8, Wisma Sanyan,  
96600 Sibu, Sarawak.

**(u.p.: Encik Gabriel Kalai– tel: 084–337428/338428 No. Fax: 084–327488)**